

# 25,000 kes kemalangan ulang-alik ke tempat kerja sepanjang tahun lalu

KUALA LUMPUR 19 Dis. - Sebanyak 25,000 kes kemalangan jalan raya pergi dan balik dari tempat kerja dicatatkan setakat 31 Oktober 2012, meningkat berbanding 24,809 kes dicatatkan sepanjang tahun lalu.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Maznah Mazlan berkata, daripada jumlah tersebut, 410 kes membabitkan kematian dan 4,943 kes pula menyebabkan kecederaan hilang upaya kekal.

Sambil mengakui situasi itu membimbangkan, Maznah memberitahu pihak kementerian menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Keselamatan Jalan Raya dan sebagainya telah bekerjasama untuk mengatasi masalah itu.

“Jumlah kemalangan di tempat kerja telah berjaya dikurangkan tetapi jumlah keseluruhan kes kemalangan menimpa pekerja hari ini melibatkan 59,000 kes

dengan 40 peratus berlaku ketika berulang-alik ke tempat kerja. Selangor mencatatkan kadar kemalangan paling tinggi itu 23.3 peratus.

“Pelbagai inisiatif untuk menyuntik kesedaran dalam kalangan pekerja tentang perkara itu diadakan, termasuklah menganjurkan kursus pemanduan berhemah kepada pekerja, kempen perjalanan selamat serta seminar pencegahan kemalangan,” katanya dalam sidang Dewan Negara hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan **Senator Muhamad Yusof Hu-**

**sin** yang ingin tahu jumlah kes kemalangan jalan raya pergi dan balik ke tempat kerja.

Menurut Maznah, berdasarkan kajian Perkeso dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM) mendapati waktu pergi ke kerja merupakan masa paling tinggi berlakunya kemalangan iaitu 68.8 peratus.



**MAZHAN MAZLAN**